

Lengkap vaksin bukan tiket abai SOP

Berita Harian (Kamuter) 2 September 2021 (Khamis) m/s : 11

Oleh Dr Ahmad Mahfuz Gazali
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Program
Bioteknologi
Industrial, Fakulti
Sains dan Teknologi
Industri, Universiti
Malaysia Pahang
(UMP)

Pelbagai kelonggaran kini dinikmati individu yang sudah lengkap vaksin COVID-19. Bagaimanapun ia masih tertakluk syarat ditetapkan mengikut jenis vaksin diterima.

Untuk penerima vaksin Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac, kelonggaran hanya terpakai 14 hari selepas menerima dos kedua, manakala untuk vaksin Johnson & Johnson dan CanSino dibenarkan menjalankan aktiviti disenarai selepas 28 hari menerima suntikan.

Mengapa kita perlu menunggu 14 dan 28 hari selepas menerima suntikan vaksin? Jawapannya kerana imuniti terhadap COVID-19 mengambil masa untuk dibina selepas vaksin diberikan.

Vaksin dicipta untuk meniru jangkitan virus SARS-CoV-2 yang berlaku secara semula jadi. Dengan ini, vaksin akan melatih sistem imun tubuh untuk mengenali virus dengan cara memberikan virus yang sudah dilemahkan (vaksin Sinovac) atau sebahagian daripada virus itu sendiri (vaksin yang lain).

Latihan ini berupaya merangsang sistem imun untuk mengendalikan jangkitan COVID-19 secara semula jadi pada masa akan datang.

Sistem imun manusia terbahagi kepada dua iaitu sistem imun bawaan (bekerja secara luas dalam tubuh) dan imun adaptif (bekerja lebih spesifik membabitkan sel khusus).

Apabila suntikan vaksin diberikan, sistem imun bawaan akan mula beroperasi. Sistem imun ini adalah pertahanan badan yang umum untuk mengatasi sebarang bendasing dikesan sebagai ancaman kepada tubuh manusia.

Sistem imun ini akan bertindak segera sementara sistem imun adaptif atau perolehan mula beroperasi. Sistem imun adaptif terdiri sel imun yang akan cuba mengenal pasti komponen vaksin sama ada virus yang dilemahkan atau bahagian virus dalam pelbagai bentuk.

Selepas proses pengenalan dilakukan, semua sel imun akan dirangsang untuk melakukan tindak balas terhadap komponen vaksin.

Sel B (sejenis sel darah putih yang memainkan peranan besar melindungi tubuh daripada jangkitan) akan dirangsang untuk mengeluarkan antibodi terhadap komponen vaksin, manakala sel T (mempunyai pelbagai fungsi, antaranya mengesan dan memusnahkan sel dijangkiti virus bagi menghalang penyebarannya) bertukar menjadi sel pembunuh.

Antibodi dikeluarkan sel B akan bertindak menghalang komponen virus memasuki sel baharu, manakala sel pembunuh akan mematikan sel lain yang sudah dimasuki virus yang dilemahkan menggunakan granulan sitotoksik.

Pada masa sama, sebahagian sel limfosit B dan T ini akan bertukar menjadi sel memori untuk membolehkan tindak balas imun yang lebih cepat jika tubuh dijangkiti virus secara semula jadi pada masa akan datang.

Bagaimanapun, tindak balas imun adaptif terdiri sel B and T mengambil masa beberapa hari sebelum terbentuk. Di sinilah kewajaran tempoh 14 dan 28 hari untuk keberkesanan vaksin dipertimbangkan bagi tujuan menikmati kelonggaran diberikan.

Namun harus diingat, semua vaksin COVID-19 dicipta supaya ia berupaya mengelak jangkitan teruk, kemasukan ke hospital dan kematian.

Lantas, kelonggaran diberikan kerajaan ini harus digunakan sebaik mungkin. Kerajaan tidak teragak-agak menarik semula kemudahan diberikan jika berlaku ketidakpatuhan terhadap garis panduan serta prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Inisiatif ini diharap menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia segera mendaftar untuk menerima vaksin COVID-19.

Sementara itu, semua rakyat Malaysia perlu terus patuh kepada SOP ditetapkan kerajaan dengan mengamalkan '3W' iaitu penjarakan sosial, kerap membasuh tangan dengan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman, serta memakai pelitup muka.

Pada masa sama, elakkan '3C' iaitu tempat sesak, tempat tertutup dan bersebelahan secara dekat. Kita masih belum menang dan mesti bersama-sama mengatasi pandemik COVID-19.